

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 1  
RUANGAN : MUKA HADAPAN

# Kosmetik beracun undang risiko

Pengguna berisiko menghadapi kegagalan fungsi buah pinggang, kanser kulit dan gangguan hormon akibat terdedah bahan kimia pengganggu endokrin (EDC) yang kini digunakan secara meluas dalam kosmetik serta produk penjagaan diri harian.

Walaupun mengandungi bahan terlarang seperti hidrokuinon, steroid, tretinooin dan merkuri, namun ramai yang terpengaruh berikutan keupayaannya memberi kesan pantas dalam menghasilkan kulit bebas cela.

Oleh Mahani Ishak → Nasional 5

Eksklusif

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 5  
RUANGAN : NASIONAL

# Kosmetik beracun rosakkan buah pinggang, saraf

Penggunaan bahan kimia berbahaya cetus masalah kulit lebih teruk

Oleh Mahani Ishak  
mahani@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kegagalan fungsi buah pinggang, kanker kulit dan gangguan hormon, adalah di antara risiko penyakit menanti pengguna produk penjagaan diri dan kosmetik yang mengandungi bahan kimia pengganggu endokrin (EDC) yang penggunaannya kini semakin meluas berikutan mudah diperoleh secara dalam talian.

Walaupun mengandungi bahan terlarang seperti hidrokuinon, steroid, tretinoin dan merkuri, napun rama-rama yang terpengaruh-untuk menggunakan produk berkenaan berikutan keupayaannya memberi kesan pantas dalam menghasilkan kulit bebas cela.

Antara produk yang dikesan mengandungi bahan terlarang itu termasuklah losyen atau krim pelembab, krim malam, krim pemutih, produk penjagaan rambut dan krim pelindung sinar matahari yang lazimnya digunakan pada wajah serta tubuh badan.

Pakar estetik, Dr Abdul Jamil Jamal Buhari, mendedahkan empat bahan kimia itu juga membuatkan masalah kulit yang dilami pengguna menjadi lebih teruk, apabila penggunaannya dihentikan dan masa sama menyumbang kegagalan fungsi buah pinggang, kanker serta gangguan hormon apabila digunakan berterusan.

"Pengusaha kosmetik biasanya memalsukan dokumen pendaftaran produk sehingga memperoleh kelulusan pihak berkua sebelum memasarkan produk bahaya itu secara meluas dalam talian demi mengaut keuntungan berlipat kali ganda.

"Produk itu membuatkan masalah kulit bertambah teruk, berjerawat, jeragat berikutan kandungan hidrokuinon membuat kulit kemerahan, depigmentasi, terdedah sinaran ultra ungu (UV) dan berisiko menghidap kanker kulit."

"Kandungan tretinoin mem-

Eksklusif

buatkan kulit pedih serta mengelupas, hipersensitif kepada cahaya matahari dan keadaan tidak selesa, manakala merkuri menjadi punca kerosakan buah pinggang dan saraf, radang kulit serta mengganggu perkembangan otak janin bagi ibu yang mengandung," katanya kepada BH.

Dr Abdul Jamil berkata, bahan kimia yang digunakan dalam produk itu juga boleh meresap ke seluruh darah, seterusnya membuatkan wanita hamil yang menggunakan berisiko mengandung anak autisme, saraf janin tidak berkembang dan mengalami mudarat kesihatan, seawal tiga atau empat bulan selepas mengandung.

Beliau yang juga pakar estetik di Klinik Pesona, mendakwa kosmetik dan produk kecantikan yang dijual dalam talian antara paling banyak mengandungi bahan terlarang dan memudarkan kerana penjualananya sukar dikawal pihak berkua berbanding produk yang dijual secara fizikal di farmasi.

Katanya, produk mengandungi hidrokuinon, steroid, tretinoin serta merkuri, sememangnya dapat membantu melencong dan merawat wajah.

"Namun, penggunaan yang berterusan menipiskan kulit pengguna. Sekiranya pengguna berhenti menggunakan berhenti mengguna-nya berikutan masalah kulit menipis itu, 90 peratus wajah bakal diperlukan jerawat teruk dan mengalami masalah pigmentasi."

"Kesan sampingan ini boleh dikesan seawal tiga atau empat bulan selepas produk digunakan, manakala mudarat dalamnya seperti kerosakan buah pinggang selalunya mengambil tempoh lebih lama untuk disedari pengguna," katanya.

Beliau berkata, apabila pengguna berdepan masalah sedemikian, pengasas atau penjual produk terdahulunya lazimnya memberi produk terbitan lazimnya memberi alasan pengguna membeli pro-

duk tiruan, sedangkan hakikat sebenarnya produk yang dijual mereka mengandungi bahan kimia terlarang.

Katanya, tindakan terhadap pengasas kosmetik yang menjual produk demikian juga sukar diambil kerana platform dalam talian yang digunakan sering hilang tanpa jejak, manakala produk yang diisyorkan farmasi bagi tujuan penyembuhan pula tidak menunjukkan hasil.

"Ini kerana punca masalah itu jauh di dasar kulit yang sudah dipenuhi toksik," katanya.

Beliau berkata, masalah kulit yang berpuncanya daripada produk terlarang hanya boleh dirawat dengan penggunaan antibiotik dan rawatan hormon yang mengambil masa jauh lebih lama daripada kebiasaan rawatan tiga atau empat bulan.

"Ada rawatan menjangka tempoh lapan bulan, bergantung pada kandungan merkuri yang sudah meresap dalam kulit pengguna produk bahaya itu," katanya.

Dr Abdul Jamil berkata, setiap bulan beliau menerima di antara 15 hingga 18 kes baru membutik pelanggan yang mengalami kerosakan kulit yang berpuncanya daripada penggunaan produk mengandungi bahan EDC, kebanyakannya membelinya dalam talian.

## Akitat kekeliruan jantina

Profesor Kanan Jabatan Kimia Faiktili Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin, pula berkata kosmetik yang mengandungi bahan EDC memberi kesan buruk dengan mengganggu fungsi normal sistem saraf dan pembiakan.

"Selain racun perosak, EDC mempunyai dua kategori lain iaitu plumbum dan bahan tambahan biasa diguna dalam penghasilan pembungkus makanan daripada plastik. Ketiga-tiga ini biasa dimasukkan dalam kosmetik yang boleh menjadikan kesihatan awam serta mengganggu sistem hormon."

"Tubuh manusia dikawal hormon dengan sistem endokrin menggunakan segala-galanya, termasuk kitaran aktiviti seperti tidur dan bangun, tahap tekanan emosi, metabolisme dan kitaran pembiakan. Apabila sistem hormon terganggu berikutan kehadiran

## EDC

- Bahan kimia pengganggu endokrin (EDC) ialah bahan kimia yang mampu meniru, menyekat dan mengganggu hormon dalam sistem endokrin tubuh.
- Antara bahan EDC ialah paraben, plumbum, hydroquinone, tretinoin, merkuri yang digunakan dalam kosmetik.
- Phthalate terdapat dalam makanan dan Bisphenol A (BPA), bahan bagi pembuatan plastik.
- EDC terdapat dalam produk cucian tangan, pencuci badan, ubat gigi, deodoran, cecair kumur, cecair pencuci wanita dan tisu bayi.
- Wanita lebih terkena dengan mudarat EDC disebabkan faktor fisiologi, solekan, biologi dan penentu sosial.
- EDC boleh menjadikan kualiti sperma dan embrio.
- Produk kecantikan mengakibatkan masalah kepada janin dan perkembangan otak.
- Buah dan sayur juga disembur bahan kimia EDC.
- Bahan kimia dalam makanan dalam tin juga disolusi bahan mengandungi EDC.

## Bahan terlarang dalam kosmetik

Kosmetik beracun itu mengandungi Hydroquinone, merkuri, tretinoin dan paraben.

### Hydroquinone

- Menyebabkan kulit kemerahan
- Hipersensitif
- Menghalang proses pigmentasi (depigmentasi)
- Mengurangkan perlindungan kulit daripada sinaran UV
- Risiko kanker kulit

### Tretinoin

- Kulit pedih, tidak selesa dan mengelupas
- Hipersensitif kepada cahaya matahari

### Paraben

- Boleh mengganggu hormon dalam badan dan membahayakan kesuburan dan organ pembiakan
- Menjejaskan hasil kelahiran dan meningkatkan risiko kanker
- Menyebabkan kerenggaan kulit

### Merkuri

- Kerosakan buah pinggang dan sistem saraf
- Kulit ruam dan infensi
- Mengganggu perkembangan otak kanan-kanan sekiranya produk diserap masuk ke kulit



EDC, ia menyebabkan pelbagai masalah fisiologi.

"Ia seterusnya mengganggu dengan ketara proses pengawalseliaan utama badan seperti pertumbuhan, metabolisme, tindak balas tekanan, pembiakan, perkembangan seksual, tingkah laku jantina dan perkembangan jantina," katanya.

Pakar Kesihatan Reproduksi Lelaki di Jabatan Sains Biologi dan Bioteknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Mahenan Mat Noor, pula mendedahkan yang EDC juga berisiko mengganggu kesihatan reproduktif yang boleh mengakibatkan kekeliruan jantina atau 'transgender'.

"Di United Kingdom misalnya, saintis sudah lama membuktikan ada kehadiran EDC dalam sistem air negara itu yang boleh menyebabkan masalah kesuburan, terutama dalam kalangan lelaki dan hidupan haiwan akuatik."

"EDC boleh berpuncanya daripada pelbagai sumber termasuk ubat-ubatan yang tamat tempoh dan dibuang sebelum memasuki

sistem air;" katanya mendakwa kabelakangan ini, tahap kesuburan lelaki di negara ini semakin merosot akibat pelbagai faktor, termasuk kesan EDC.

Terdahulu, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) melaporkan, sejumlah 32 sampel produk kosmetik dan penjagaan diri dihantar pihaknya untuk analisis makmal oleh Institut Kesihatan Pekerjaan dan Persekitaran Wong Jin di Korea Selatan sempena persidangan di Seoul, yang disertai pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk dari Malaysia.

Daripada 32 yang diuji itu, 18 sampel didapati mengandungi bahan EDC seperti metil paraben; etil paraben (lima); propil paraben (10); isobutil paraben (satu); dan fenil paraben (satu).

Malah, pencuci badan jenama popular didapati mengandungi metil, etil dan propil paraben yang tinggi. Ia juga didapati mengandungi isobutil dan fenil paraben yang diharamkan Jatakuasa Kosmetik ASEAN (ACC) sejak 2015.



Dr Abdul Jamil

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 18**  
**RUANGAN : NASIONAL**

# PPj pantau rapi peniaga, makanan di bazar Ramadan

Petugas pastikan kebersihan, elak kejadian juadah berulang berulang

Oleh Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Perbadanan Putrajaya (PPj) akan memantau rapi peniaga dan jualan makanan bazar Ramadan bagi menjamin kebersihan.

Presiden PPj, Datuk Fadlun Mak Ujud, berkata petugas akan memantau setiap hari bagi memastikan makanan yang dijual peniaga selamat untuk dimakan.

Menurutnya, pemantauan ketat bagi mengelak kejadian tahun lalu berulang, iaitu makanan yang dijual mengandungi ulat dan viral di media sosial.

Katanya, sesetengah makanan disediakan di tempat lain dan dibawa ke bazar Ramadan untuk dijual.

"Tahun ini sebanyak 700 lesen dikeluarkan dan minggu depan PPj akan mengadakan taklimat dan wajib dihadiri oleh peniaga kerana membabitkan kebersihan makanan dan penjagaan kawasan perniagaan," katanya pada Majlis Pelancaran festival pencapaian edisi khas Festival Lentera : Sisi-



Fadlun (dua dari kiri) hadir pada perasmian Festival Lentera: Sisiran Tasik Putrajaya 2024 di Anjung Floria, Presint 4 Putrajaya, kelmarin.  
(Foto Samadi Ahmad/BH)

ran Tasik Putrajaya kelmarin.

Festival Lentera julung kali diadakan selama sembilan hari bermula sehingga 3 Mac bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan, 2024 dan ulang tahun penubuhan PPj ke-28 pada 1 Mac ini.

## Lima tapak perniagaan

Fadlun berbuka, tahun ini PPj menyediakan lima tapak perniagaan membabitkan 700 petak dan tapak terbesar di Presint 3 membabitkan 200 petak.

Katanya, empat lagi tapak di Presint 11, Presint 9, Presint 16 dan

Presint 14.

Bagi bazar Ramadan Presint 14, beliau berkata, PPj mengadakan kelinilan dengan menyerahkan pengurusan kepada Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) untuk memilih peniaga daripada kalangan warga Putrajaya.

"Ini bertujuan memberi peluang kepada penduduk untuk menambah pendapatan pada Ramadan ini," katanya.

Fadlun berkata, kali ini PPj turut mengeluarkan pas dengan gambar peniaga yang perlu dipakai setiap kali berniaga bagi mengelak lesen diserahkan kepada

pihak ketiga.

Katanya, PPj hanya mengeluarkan lesen kepada individu dan tidak memberi kepada mana-mana persatuan.

Beliau berkata, sekiranya peniaga menyewakan lesen kepada pihak lain, kebenaran akan ditarik matam serta-merta.

Katanya, bermula tahun ini PPj juga mengadakan kempen tiada beg plastik bagi meningkat kesedaran orang ramai kesan negatif plastik dan orang ramai yang berkunjung ke bazar Ramadan boleh membawa beg sendiri atau menggunakan produk biodegradasi.

# Helikopter bomba pindah jantung dari Melaka ke HKL

**Kuala Lumpur:** Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) membantu pemindahan organ yang diderma dari Melaka ke Hospital Kuala Lumpur (HKL), semalam.

Operasi penerbangan membawa jantung menggunakan sebuah helikopter Ambulans Udara Perubatan Kecemasan (EMARS) dari Lapangan Terbang Melaka.

Ketua Cawangan Pengurusan Operasi Udara JBPM, Pengguna Kanan Bomba I Kapten Roslan Aziz, berkata organ terbabit diderma oleh keluarga seorang pesakit yang disahkan mengalami mati otak.

Menurutnya, perkara itu dirujuk kepada Pusat Sumber Transplant Nasional HKL dari-pada Hospital Melaka selepas keluarga pesakit terbabit bermurah hati mendermakan organ berkenaan kepada pesakit yang memerlukan.

## Perlu perancangan rapi

Menurut Roslan yang mengetuai operasi penerbangan, operasi membawa organ dibantu pembantu juruterbang, Penolong Kanan Pengguna Bomba Ahmad Hafiz Sulaiman serta Kuatermaster Udara, Pegawai Bomba Shazmi Ishak.

"Pemindahan organ ini satu daripada perkhidmatan perubatan yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, selain pemindahan pesakit dan bantuan logistik perubatan yang lain."

"Operasi pemindahan organ satu operasi kritisik yang memerlukan perancangan rapi dan tersusun, perlu mematuhi tempoh jangka masa ditetapkan oleh pasukan perubatan," katanya.

Beliau berkata, ini bagi memastikan organ yang dipindahkan dapat digunakan oleh penerima sebaik tiba di hospital.

"Sebarang kelewatan dan kesilapan boleh memberikan kesan kepada status organ terbabit, malah membabitkan risiko tinggi ketika pembentahan pemindahan kepada peperma," katanya.



Pegawai perubatan dari Hospital Melaka membawa organ yang didermakan ke HKL dengan menggunakan khidmat helikopter EMARS, semalam.  
(Foto ihsan JBPM)

**AKHBAR : HARIAN METRO**  
**MUKA SURAT : 8**  
**RUANGAN : LOKAL**

## Maliha Aafiya turut sama tutup

**Kuala Selangor:** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim merasmikan Majlis Penutupan Program Madani Rakyat Zon Tengah di Kompleks Sukan Kuala Selangor di sini, semalam.

Beliau diiringi Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu, Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari dan Menteri Besar Perak Datuk Seri Saarani Mohamad.

Anwar yang juga Menteri Kewangan menyampaikan amanat pada majlis berkenaan sebelum menyertai sesi Dialog Malaysia Ma-

dani bersama pengunjung yang hadir ke program itu. Perdana Menteri turut mengajak seorang kanak-kanak Maliha Aafiya Abdul Halim, 9, yang berada di atas pentas di sebelah beliau untuk sama-sama merasmikan majlis penutupan itu.

"Saya dengan ini merasmikan Program Madani Rakyat Zon Tengah bersama-sama dengan Aafiya, boleh Aafiya sebut, dengan ini..." kata Perdana Menteri.

"Dengan ini saya dengan Tuk Anwar merasmikan Program Madani Rakyat Zon Tengah," kata Maliha Aafiya.

Program yang berlangsung sejak Jumaat bermula 9 pagi hingga 10 malam itu adalah kesinambungan kepada Program Setahun Bersama Kerajaan Madani yang menjadi wadah masyarakat mendapatkan maklumat tentang 163 perkhidmatan Kerajaan Persekutuan, negeri dan agensi yang berkaitan.

Antaranya Jualan Mega Madani dan Agro Madani, kaunter pengurangan kadar kompaun trafik Polis Diraja Malaysia (PDRM), kaunter pendaftaran Sumbang Tunai Rahmah (STR) dan perkhidmatan bergerak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).



PERDANA Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hadir dan melawat reruai Kementerian pada Program Madani Rakyat Zon Tengah di Kompleks Sukan Kuala Selangor, semalam. Beliau diiringi, Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Oleh Muhamad Hafis  
 Nawawi  
 mhafis@mediaprima.com.my

### Kuala Lumpur

Jabatan Bomba dan Pencarian dan Pelancaran (JBPM) melaksanakan operasi penerbangan membawa organ dari Melaka ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) di sini, semalam.

Ketua Cawangan Pengurusan Operasi Udara JBPM, Kapten Roslan Aziz berkata, operasi menggunakan helikopter Emergency Medical Air Ambulance and Rescue Service (EMARS) selepas Pusat Sumber Transplant Nasional, HKL menerima satu kes rujukan pendermaan organ dari Hospital Melaka.

Menurutnya, keluarga kepada seorang pesakit yang disahkan mati otak (*brain death*) bermurah hati mendermakan organ jantung kepada pesakit yang memerlukan.

"Sehubungan itu sebuah helikopter EMARS JBPM diaturgerak jam 7.15 pagi dari Pangkalan udara Wilayah Tengah JBPM, Sungai Buloh, Selangor ke Lapangan Terbang Melaka.

"Pesawat selamat mendarati di HKL jam 8.35 pagi. Penerbangan turut disertai tiga pegawai perubatan yang diketuai Pakar Perunding Kardiotorasik dan Vaskular Hospital Melaka, Prof Datuk Dr Mohamed Ezani Md Taib," katanya dalam kenyataan semalam.

Roslan berkata, penerbangan diketuai Kapten Roslan Aziz bersama pembantu juruterbang Ahmad Hafiz Sulaiman dibantu oleh Kuatermaster Udara, Shazmi Ishak.

Beliau berkata, pemindahan organ itu adalah salah

**BERBAHAYA SELEPAS TIADA: MELAKA KE KUALA LUMPUR**

## Jantung pesakit mati otak dibawa guna helikopter



HELIKOPTER EMARS JBPM melaksanakan operasi penerbangan membawa organ dari Melaka ke HKL.

satu daripada perkhidmatan perubatan yang sering dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selain pemindahan pesakit dan bantuan logistik perubatan yang lain.

"Operasi pemindahan organ adalah salah satu operasi kritikal yang memerlukan perancangan rapi dan tersusun.

operasi kritikal yang memerlukan perancangan rapi dan tersusun yang mana ia perlu mematuhi tempoh jangka masa yang ditetap-

kan oleh pasukan perubatan.

"Ini bagi memastikan org-

an yang dipindahkan da-

kan oleh pasukan peruba-

tan.

"Sebarang kelewatan dan kesilapan boleh memberi-kan kesan kepada status organ itu malah membabitkan risiko tinggi ketika pembedahan pemindahan kepada penerima," kata-

nya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : LOKAL

### Pantau tapak bazar Ramadan Putrajaya setiap hari elak isu kebersihan berulang

**Putrajaya:** Tapak bazar Ramadan di Putrajaya dipantau setiap hari oleh pasukan petugas Perbadanan Putrajaya (PPj) bagi memastikan isu kebersihan dan keselamatan makanan terjadi sebelum ini tidak berulang, kata Presiden Datuk Fadlun Mak Ujud.

Beliau berkata 700 peniaga bazar Ramadan akan diberikan taklimat minggu depan dari segi penyediaan makanan supaya bersih dan selamat.

"Kadang-kadang peniaga sediakan (makanan) petang dan mungkin masa dihidang di luar kawalan. Untuk memastikan (kebersihan) kita sentiasa buat pemantauan dan sekiranya berlaku kita beri ingatan atau hentikan mereka berniaga serta-merta."

"Kita akan pastikan dari segi kualiti penyediaan makanan itu baik," katanya kepada media selepas merasmikan festival pencahaya-

an edisi khas, Festival Lentera: Sisiran Tasik Putrajaya 2024 di sini malam kelmarin.

Pada bulan puasa tahun lepas, tular video memaparkan mi berlaulek sotong yang dikenali sebagai Mee Tonggek berharga RM30 yang didakwa sudah berulat dan dibeli di bazar Ramadan Presint 3 di sini.

Susulan itu, PPj mengeluarkan notis amaran kepada pengusaha gerai itu dan diarahkan tutup oleh Kementerian Kesihatan (KKM).

Fadlun berkata tahun ini PPj akan memastikan semua peniaga bazar Ramadan tidak lagi menggunakan plastik untuk membungkus makanan dan akan memperkenalkan penggunaan pembungkusan daripada bahan biodegradasi atau boleh urai, selain menggalakkan pembeli membawa bekas masing-masing.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 2  
RUANGAN : NEGARA

## PPj pantau bazar Ramadan, elak berlaku isu kebersihan



PENIAGA bazar Ramadan di Putrajaya akan dipantau terutamanya dalam soal kebersihan makanan.

**PUTRAJAYA** — Perbadanan Putrajaya (PPj) akan menggerakkan pasukan pemantauan di semua tapak bazar Ramadan setiap hari bagi memastikan tiada isu kebersihan dan keselamatan berulang seperti sebelum ini.

Presidennya, Datuk Fadlun Mak Ujud berkata, pihaknya akan memanggil kesemua 700 peniaga bazar Ramadan di kawasan ini minggu hadapan bagi taklimat penyediaan makanan yang bersih dan selamat.

Beliau berkata, pihaknya akan memastikan aspek kebersihan dan keselamatan diberi keutamaan tertinggi oleh setiap peniaga bazar.

"Kadang-kadang peniaga sediakan (makanan) petang dan mungkin masa dihidang di luar

### Gerai mi tongpek didakwa ada ulat diarahkan tutup

PUTRAJAYA — Difahamkan, gerai mi tongpek di tengah di hadapan Putrajaya diarakah ditutup kerana pencemaran dan isu ulat di dalam makanan.

Atasnya, KKM akan menuntut pelakuk pencemaran dan isu ulat di dalam makanan untuk membentuk maklumat mengenai peraturan berkaitan hal ini.

Seluruh tular di media sosial.

— KERATAN Kosmo! 17 April 2022.

kawalan. Bagi memastikan ia sentiasa bersih, kita akan sentiasa buat pemantauan.

"Kami akan beri ingatan jika aspek kebersihan diabaikan atau hentikan mereka daripada berniaga serta-merta," katanya ketika ditemui selepas melancarkan Festival pencahayaan edisi khas, Festival Lentera: Sisiran Tasik Putrajaya 2024 di sini malam kelmarin.

Pada Ramadan dua tahun lalu, tular video memaparkan mi berlauk sotong yang didakwa sudah berulat yang dibeli di bazar Ramadan Presint 3.

Susulan itu, PPj mengeluarkan notis amaran kepada pengusaha gerai dan diarahkan tutup oleh Kementerian Kesihatan (KKM).

Ditanya apa tindakan jika peniaga bazar menjual lesen berniaga kepada orang lain, Fadlun berkata, tindakan tegas akan diambil termasuk menarik terus lesen yang diberikan.

Dalam perkembangan lain, Fadlun berkata, pihaknya kini sedang membuat bincang bagi mendapatkan jumlah peniaga yang beroperasi dengan kereta tanpa kebenaran di kawasan sekitar khususnya di Dataran Putra.

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 6  
 RUANGAN : NEGARA

Kementerian Kesihatan pastikan fasiliti termasuk ubat-ubatan mencukupi

## Sedia SOP hadapi El Nino hingga Jun

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED


**KUALA SELANGOR** – Kementerian Kesihatan (KKM) menyediakan prosedur operasi standard (SOP) bagi menghadapi fenomena El Nino yang diramal melanda negara sehingga Jun ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, langkah itu antaranya melibatkan kesiapsiagaan semua fasiliti kesihatan dan pemantauan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di seluruh negara.

Jelas beliau, SOP yang ditetapkan pihaknya itu mengambil kira faktor cuaca panas ketika ini termasuk keadaan jerebu.

"KKM mahu memastikan fasiliti kesihatan sentiasa bersedia dengan bekalan ubat-ubatan terutama penyakit berkaitan jangkitan mata dan pernafasan.

"Selain itu, kita akan terus memantau bacaan IPU dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS)," katanya ketika ditemui pada majlis sambutan Tahun Baru Cina Parlimen Kuala Selan-



**KANAK-KANAK** tidak melepaskan peluang untuk mandi-manda bagi menyegarkan badan ekoran cuaca panas pada cuti hujung minggu di Taman Rekreasi Suria KLCC, Kuala Lumpur. — FARIZ RUSADIO

gor di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Yuk Chih, Bestari Jaya di sini, malam kelmarin.

Awal bulan ini, Ketua Penga-

rah Jabatan Meteorologi Muhammad Helmi Abdullah memaklumkan El Nino dengan intensiti kuat yang melanda dunia ketika ini di-

jangka berterusan hingga pertengahan tahun ini.

Justeru, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

akan mengadakan mesyuarat bersama pelbagai kementerian dan agensi bagi memastikan persediaan terbaik menghadapi kesan fenomena itu.

Tambah Dzulkefly, kementeriannya akan meneruskan penyebaran bahan pendidikan kepada orang ramai.

"Kita memainkan peranan dalam memberi nasihat teknikal termasuk berkaitan penganjuran aktiviti sukan dan langkah penjagaan kesihatan.

"Semua SOP itu sudah ada dan akan dihebahkan kepada umum nanti," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau merupakan Ahli Parlimen Kuala Selangor berkata, KKM sentiasa sedia bekerjasama dengan NRES bagi membincangkan isu mengenai fenomena tersebut.

"Setakat ini, keadaan masih terkawal dan saya difahamkan tiada kes strok haba serius berlaku. Perkara paling penting adalah kita sememangnya sudah bersedia dan ikut SOP biasa termasuk libatkan jerebu," katanya.

**AKHBAR : KOSMO**  
**MUKA SURAT : 12**  
**RUANGAN : NEGARA**

Bomba laksana operasi bawa organ untuk pesakit di Hospital Kuala Lumpur

## Jantung 'diterbangkan' dari Melaka

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

**PETALING JAYA** — Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah melaksanakan satu operasi penerbangan membawa jantung dari Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) semalam.

Operasi menerusi sebuah helikopter EMARS (Emergency Medical Air Ambulance and Rescue Service) itu telah menerbangkan organ itu kepada seorang pesakit jantung di HKL.

Ketua Cawangan Pengurusan Operasi Udara JBPM, Penguasa Kanan Bomba 1 Kapten Roslan Aziz berkata, Pusat Sumber Transplant Nasional HKL telah menerima satu kes rujukan pendermaan organ dari Hospital Melaka.

"Keluarga kepada seorang pesakit yang telah disahkan mati otak bermurahati ingin mendermakan organ jantung kepada pesakit memerlukan," katanya



**PETUGAS** kesihatan membawa kotak berisi organ yang didermakan oleh seorang pesakit dari Hospital Melaka selepas mendarat di HKL, Kuala Lumpur semalam.

dalam satu kenyataan semalam.

Susulan itu, kata Roslan, helikopter EMARS JBPM telah diaitur gerak pada pukul 7.15 pagi dari Pangkalan Udara Wilayah

Tengah JBPM, Subang dan terus berlepas ke Melaka.

Katanya, selepas mengambil penumpang dan organ yang didermakan, pesawat kemudian

berpatah balik ke Kuala Lumpur dan selamat mendarat di HKL kira-kira pukul 8.35 pagi.

"Penerbangan ini juga disertai tiga pegawai perubatan yang

diketuai oleh Pakar Perunding Kardioterasik dan Vaskular Hospital Melaka, Prof Datuk Dr. Mohamed Ezani Md. Taib.

"Pemindahan organ ini merupakan salah satu daripada perkhidmatan perubatan yang sering dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan selain pemindahan pesakit dan bantuan logistik perubatan yang lain," ujarnya.

Tambahnya, operasi permindaan organ merupakan salah satu operasi kritis yang memerlukan perancangan rapi dan tersusun dimana ia perlu mematuhi tempoh jangka masa ditetapkan oleh pasukan perubatan.

Ujarnya, ia bagi memastikan organ yang dipindahkan dapat digunakan oleh penerima sebaik tiba di hospital.

"Sebarang kelewat dan kesilapan boleh memberikan kesan kepada status organ tersebut, malah melibatkan risiko tinggi semasa pembedahan pemindahan kepada penerima," ujarnya.

**AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**MUKA SURAT : 10**  
**RUANGAN : NASIONAL**

## KKM sedia SOP hadapi El Nino

**KUALA SELANGOR** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan prosedur operasi standard (SOP) bagi menghadapi fenomena El Nino yang diramal melanda negara sehingga Jun depan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, langkah itu antaranya melibatkan kesiapsiagaan semua fasiliti kesihatan dan pemantauan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di seluruh negara.

Jelas beliau, SOP ditetapkan kementeriannya itu mengambil kira faktor cuaca panas ketika ini termasuk keadaan jerebu.

"KKM mahu memastikan fasiliti kesihatan sentiasa bersedia dengan bekalan ubat-ubatan terutama penyakit berkaitan jangkitan mata dan pernafasan," katanya ketika ditemui pada Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina Parliment Kuala Selangor di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Yuk Chih, Bestari Jaya pada Sabtu.

Menurut Dzulkefly, pemantauan bacaan IPU itu akan dilakukan dengan kerjasama pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Sehubungan itu, katanya, KKM akan meneruskan penyebaran bahan pendidikan kepada orang ramai.



Dzulkefly (kiri) memberikan sumbangan kepada warga emas pada Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina Parliment Kuala Selangor di SJKC Yuk Chih, Bestari Jaya, Kuala Selangor pada Sabtu.

"Kita memainkan peranan dalam memberi riasah teknikal termasuk berkaitan penganjuran aktiviti sukan dan langkah penjagaan kesihatan."

"Semua SOP itu sudah ada dan akan dihebahkan kepada umum dalam waktu terdekat," ujar beliau.

Dalam pada itu, Dzulkefly yang juga Ahli Parliment Kuala Selangor berkata, KKM sentiasa sedia bekerjasama dengan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) bagi membincangkan isu mengenai fenomena tersebut.

"Setakat ini keadaan masih terkawal dan saya difahamkan tiada lagi

berlaku kes strok haba serius.

"Perkara paling penting adalah kita sememangnya sudah bersedia dan mengikut SOP biasa termasuk melibatkan jerebu," tambah beliau.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Muhammad Helmi Abdullah berkata, El Nino dengan intensiti kuat yang melanda dunia ketika ini dijangka berterusan hingga pertengahan tahun ini.

Justeru, NRES akan mengadakan mesyuarat bersama pelbagai kementerian dan agensi bagi memastikan persediaan terbaik menghadapi kesan fenomena tersebut.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 24  
RUANGAN : NASIONAL

## Lima kes disengat ubur-ubur di Pantai Bukit Keluang

**JERTIH** - Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu merekodkan lima kes sengatan ubur-ubur berbisa membabitkan empat kanak-kanak berusia empat hingga 12 tahun dan seorang lelaki di Pantai Bukit Keluang di sini, pada Jumaat dan Sabtu.

Pengaruhnya, Datuk Dr Kaseman Embong berkata, kesemua mangsa termasuk lelaki berusia 33 tahun yang menerima rawatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Besut telah disengat ubur-ubur dipercayai daripada spesies *Physalia Physalis* atau dikenali sebagai 'Portuguese Man of War'.

"Kesemua lima pesakit adalah pengunjung Pantai Bukit Keluang dan telah mendapatkan rawatan apabila mendapat kesan sakit dan merah di bahagian badan terlibat.

"Mangsa termasuk kanak-kanak dirawat di zon hijau dan didapati kesemua mereka mengalami reaksi setempat di kawasan jari dan pergelangan tangan. Kesemua pesakit juga dibenarkan pulang setelah pegawai perubatan mendapati keadaan mereka stabil," katanya.

Menurutnya, mangsa lelaki dewasa itu datang ke hospital berkenaan lewat malam Sabtu setelah di-



Syed Syahir Rizqullah Tuan Amir Saiful menunjukkan kesan sengatan ubur-ubur pada jarinya sebelum mengalami kesakitan ketika dia ditemui di rumahnya di Kampung Tok Has, Jer teh.

sengat hidupan marin itu ketika menarik jala ikan di pantai sama.

Dr Kaseman Embong, mangsa mengalami kesakitan di lengan dan gejala muntah akibat sengatan tersebut namun mangsa terpaksa dibenarkan pulang atas risiko sendiri kerana enggan dimasukkan ke wad.

"Sehubungan itu, pengunjung pantai peranginan di negeri ini dinasihatkan agar tidak mandi atau

bermain air di kawasan yang terdapat spesies ubur-ubur bahaya ini.

"Sekiranya disengat ubur-ubur yang tidak diketahui spesiesnya, orang ramai dinasihatkan menggunakan air panas dengan julat suhu 45 darjah Celsius selama 30 minit untuk melegakan kesakitan dan segera mengunjungi fasiliti kesihatan berhampiran," katanya.

- Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : DALAM NEGERI

# KKM siap sedia hadapi El Nino

Oleh ISKANDAR SHAH  
**MOHAMED**  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA SELANGOR:** Kementerian Kesihatan (KKM) akan meletakkan semua premis fasiliti kesihatannya dalam siap siaga bagi menghadapi fenomena El Nino yang diramal melanda negara sehingga Jun ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, malah kementerian juga akan menyediakan prosedur operasi standard (SOP) mengambil kira faktor cuaca panas ketika ini termasuk keadaan jerebu.

Menurutnya, pemantauan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di seluruh negara juga akan dilakukan dari semasa ke semasa.

"KKM mahu memastikan fasiliti kesihatan sentiasa berse-

dia dengan bekalan ubat-ubatan terutama penyakit berkaitan jangkitan mata dan pernafasan.

"Selain itu, kita akan terus memantau bacaan IPU dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS)," katanya ketika ditemui pada majlis sambutan Tahun Baharu Cina Parliment Kuala Selangor, semalam.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Muhammad Helmi Abdullah memaklumkan El Nino dengan intensiti kuat yang melanda dunia ketika ini dijangka berterusan hingga pertengahan tahun ini.

Justeru, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) akan mengadakan mesyuarat bersama pelbagai kementerian dan agensi bagi memastikan persediaan terbaik menghadapi kesan fenomena itu.

Tambah Dzulkefly, kemente-

riannya turut akan meneruskan penyebaran bahan pendidikan kepada orang ramai.

"Kita memainkan peranan dalam memberi nasihat teknikal termasuk berkaitan pengjuran aktiviti sukan dan langkah penjagaan kesihatan. Semua SOP itu sudah ada dan akan dihebahkan kepada umum nanti," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau yang juga Ahli Parliment Kuala Selangor berkata, KKM sentiasa sedia bekerjasama dengan NRES bagi membincangkan isu mengenai fenomena tersebut.

"Setakat ini keadaan masih terkawal dan saya difahamkan tiada kes strok haba serius berlaku. Perkara paling penting adalah kita sememangnya sudah bersedia dan mengikut SOP biasa termasuk melibatkan jerebu," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 12  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Pantai Teluk Batik lokasi larangan merokok

**LUMUT:** Pantai peranginan Teluk Batik di sini bakal diwartakan sebagai kawasan larangan merokok, sekali gus menjadi destinasi pelancongan pertama di Peralak menguatkuasakan peraturan tersebut.

Pengukuasaan itu dilakukan Majlis Perbandaran Manjung (MPM) dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Manjung yang mempunyai kuasa untuk mengenakan kompaun kepada individu yang merokok di kawasan diwartakan sebagai zon larangan merokok.

Pengerusi Pelancongan, Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor negeri, Loh Sze Yee berkata, bagaimanapun buat masa ini usaha mendidik dan memaklumkan kepada pengunjung mengenai larangan itu dilakukan terlebih dahulu, sebelum ia dikuatkuasakan sepenuhnya nanti.

"Sekarang kita sedang menaikkan papan tanda mengenai larangan itu manakala pegawai penguatkuasa MPM akan



LOH Sze Yee (tiga dari kiri) mendengar penerangan mengenai pelaksanaan larangan merokok di pantai Teluk Batik daripada Syamsul Hazeman Md. Salleh pada program di Lumut semalam.

bergerak menasihati perokok agar tidak merokok di kawasan Teluk Batik," katanya selepas

merasmikan Pesta Teluk Batik dan tandas awam baharu pantai itu serta pelancaran Kemam-

panan Eko Pelancongan Teluk Batik dan Kempen Ke Arah Bebas Asap Rokok di sini semalam.

**AKHBAR : THE STAR**  
**MUKA SURAT : 11**  
**RUANGAN : NATION**

## Donor's organ flown from Melaka to Kuala Lumpur Hospital

**KUALA LUMPUR:** An Emergency Medical Air Ambulance and Rescue Service (EMARS) has been carried out to fly a donor's organ from Melaka Airport to Kuala Lumpur Hospital.

The service, provided by the Malaysian Fire and Rescue Department (JBPM), was conducted after the hospital's National Transplant Resource Centre here received a case of an organ donation from the family of a patient, who was confirmed to be brain-dead, at Melaka Hospital.

JBPM Air Operations Management Head Capt Roslan Aziz said the EMARS helicopter was mobilised at 7.15am from the department's Central Region Air Base in Subang to Melaka yesterday and landed at the general hospital here at 8.35am.

Roslan led the mission along with co-pilot Ahmad Hafiz Sulaiman and air quartermaster Shazmi Ishak, Bernama reported.

Also on the flight from Melaka were three medical officers, led by Melaka Hospital cardiothoracic and vascular consultant Prof Datuk Dr Mohamed Ezani Md Taib.

According to Roslan, transporting donors' organs is one of the critical operations that requires careful and organised planning in addition to having to comply with the time set by the medical team.

## Five jellyfish sting cases in two days at Bukit Keluang beach

**JERTIH:** The Terengganu Health Department recorded five cases of jellyfish stings involving four children aged four to 12 years and a man at Pantai Bukit Keluang here on Friday and Saturday.

Its director, Datuk Dr Kasemani Embong, said all victims, includ-

ing a 33-year-old man who received treatment at the Emergency and Trauma Department of Besut Hospital, were stung by jellyfish believed to be of the *Physalia Physalis* species, also known as the "Portuguese Man of War".

"All five patients were visitors to Pantai Bukit Keluang and received treatment when they experienced pain and redness in the affected areas of the body."

"The victims, including the children, were treated in the green zone and all were found to have

local reactions in the areas of the fingers and wrists. All patients returned home after their conditions were stable," he said when contacted by Bernama yesterday.

"Holidaymakers at recreational beaches are advised not to swim or play in areas where these dan-

gerous jellyfish are found."

"If stung by an unknown species of jellyfish, the public is advised to use hot water with a temperature range of 45°C for 30 minutes to relieve pain and immediately visit nearby health facilities," he said.

**AKHBAR : THE SUN**  
**MUKA SURAT : 2**  
**RUANGAN : NATIONAL**

## Putrajaya Ramadan bazaars to be monitored

**PUTRAJAYA:** Ramadan bazaars will be monitored daily by the Putrajaya Corporation's task force to ensure that hygiene and food safety are maintained, said the corporation's president Datuk Fadlun Mak Ujud.

He said 700 Ramadan bazaar traders would be given a briefing next week on food preparation to ensure that the food prepared is safe for consumption.

He said if there are food safety concerns, the task force would warn errant traders or stop them from running their businesses immediately.

"We will make sure that, in terms of the quality of food prepared, it is all good," he said after officiating at the Putrajaya Lake Lantern Festival 2024 on Saturday.

On April 15, 2022, a short video clip of a customer claiming that she found worms in noodles with cuttlefish which she bought for RM30 at a Ramadan bazaar was widely circulated on social media.

The corporation then issued a warning to the stall operator and the Health Ministry ordered its closure through the Food Safety and Quality Division.

Fadlun added that the Putrajaya Corporation would ensure that all Ramadan bazaar traders do not use plastic to wrap food and instead use packaging made from biodegradable materials, and at the same time encourage shoppers to bring their own containers.

Muslims in the country are expected to observe the holy month of Ramadan from March 12.

On the action that would be taken against traders who give or sell their business licences to others, he said the corporation would immediately revoke their licences.

He expressed hope that such practices would be curbed this year as each trader has been given a pass displaying his or her photo, Bernama reported.

"We will be able to detect (such practices) early as we are issuing passes with traders' photos. We do not issue licences to any association, but only to individuals."

Fadlun said a total of seven Ramadan bazaar sites have been prepared this year, namely in Presint 9, Presint 11, Presint 14, Presint 16 and three locations in Presint 3.

He added that in Presint 11 the Ramadan bazaar would be managed by the Resident Representative Council, to give opportunities to Putrajaya residents to engage in business.

He said the Putrajaya Corporation is conducting a census to obtain the number of unlicensed traders who operate "car boot sales" in surrounding areas, especially in Dataran Putra.

Fadlun said the corporation intends to provide them with food safety briefings, and ask them to take typhoid shots so that the food and drinks sold are safe.



**ALL'S GOOD ...** Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim accompanied by Health Minister Datuk Dr Dzulkefly Ahmad visiting a booth at the Central Zone Madani Rakyat programme held at the Kuala Selangor Sports Complex yesterday. —BERNAMAPIC

AKHBAR : THE SUN  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NATIONAL

**GUA MUSANG:** While a majority of the nation has easy access to healthcare in clinics and hospitals, the Orang Asli community in remote areas are still facing challenges.

Amid these limitations, the Orang Asli Mobile Team (OAMT) are committed to bridging the healthcare gap by providing important services to those living in rural areas.

Gua Musang Health Office's OAMT medical officer Dr Muhammad Aiman Aziz said navigating long distances, traversing uneven plantation and logging roads and enduring unpredictable weather conditions are some of the challenges they have endured while remaining dedicated to their mission.

He said the Gua Musang OAMT team, comprising 24 members, is the largest healthcare service unit, Bernama reported.

"Our mobile clinic offers essential healthcare services to the community such as diabetes screenings, blood pressure checks, prenatal examinations, newborn check-ups and outpatient treatment.

## Mobile clinics for Orang Asli community

► Healthcare services include diabetes screenings, blood pressure checks, prenatal and newborn examinations, and outpatient treatment

"Every trip into the (Orang Asli settlements) includes carrying medical supplies, vaccines, equipment and treatment cards."

Muhammad Aiman, 30, said there are seven settlements in the district, including Pos Hau, Pos Gob, Pos Belatim and Pos Pasik, which are under the jurisdiction of the Gua Musang health office OAMT, while Pos Balar, Pos Simpor

and Pos Bihai are managed by support teams from the Tanah Merah, Bachok and Machang offices.

"Every week, the Gua Musang OAMT unit, comprising one medical and two assistant medical officers, four nurses, one healthcare assistant, one pharmacist and three drivers, travels to an Orang Asli settlement.

"Each mobile clinic operation could last for four days and three nights or five days and four nights. Unfavourable weather conditions may require them to extend their stay."

He said mobile clinics are set up in two to three villages each day based on the needs of the community and if required, they also see patients at night, adding that he has gained unique experiences in the past three years with the team.

OAMT nurse Siti Nuraisyah Mohd Asri, 23, said she remembers the names of her patients but can also identify those who require treatment but might be absent when the unit provides healthcare services in the villages.